

10 juta penduduk respon Banci Malaysia 2020

29 Januari 2021, 5:00 pm

Sebanyak 10 juta penduduk memberikan maklum balas berhubung Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020), meliputi 30.4 peratus daripada keseluruhan populasi negara.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, sehingga hari ini, sebanyak 3.3 juta tempat kediaman telah dibanci menggunakan platform banci dalam talian, e-Census yang dibuka semula bagi menyokong usaha kerajaan membendung penularan Covid-19.

Beliau menjelaskan, dianggarkan seramai 22.7 juta penduduk atau 69.4 peratus daripada anggaran 32.7 juta penduduk negara ini masih belum mengisi Banci Malaysia 2020.

“Bagi memastikan semua penduduk Malaysia berpeluang untuk menjawab Banci Malaysia 2020, platform e-Census dibuka semula.

“Usaha ini juga adalah tanda sokongan kepada tindakan yang dilaksanakan kerajaan dalam membendung penularan Covid-19 dalam kalangan penduduk Malaysia,” katanya dalam Facebook Live, hari ini.

Menurut beliau yang juga Pesuruhjaya Banci 2020, terdapat 320,000 isi rumah melibatkan 1.2 juta penduduk telah mendaftar di platform e-Census tetapi masih belum melengkapkan pengisian dalam talian itu sepenuhnya.

Justeru, katanya, bagi mengurangkan kontak bersemuka, amatlah diharapkan agar semua penduduk Malaysia dapat memberi kerjasama dengan mengisi segera maklumat banci secara dalam talian melalui www.mycensus.gov.my.

Berdasarkan respons sehingga kini, ujar beliau, empat negeri mencatatkan respons bilangan penduduk tertinggi iaitu Putrajaya (90.9 peratus), Johor (48.2 peratus), Perlis (45 peratus) dan Perak (43.5 peratus).

Bagaimanapun, beliau memberitahu, negeri yang terendah pula ialah Sabah (8.9 peratus), Labuan (17.6 peratus) dan Sarawak (18.9 peratus).

“Selebihnya ialah Melaka (38.9 peratus), Pulau Pinang (38 peratus), Negeri Sembilan (35.2 peratus), Terengganu (32.5 peratus), Selangor (31.4 peratus), Kuala Lumpur (28.4 peratus), Kelantan (27.3 peratus), Kedah (25.8 peratus) dan Pahang (24 peratus,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Uzir berkata, daripada dapatan 10 juta penduduk Malaysia yang direkodkan itu, 50.1 peratus ialah perempuan manakala 49.9 peratus lelaki.

Bagi statistik warganegara, katanya, etnik bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak (67.1 peratus), diikuti etnik Cina (26 peratus), India (6.3 peratus)

dan lain-lain (0.6 peratus), manakala bukan warganegara adalah sebanyak 2.3 peratus.

“Statistik kumpulan umur pula menunjukkan 6.3 peratus adalah dalam kalangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas, 69.5 peratus ialah umur bekerja (15 hingga 64 tahun) dan 24.3 peratus dalam kalangan umur muda (0 – 14 tahun).

“Semua penduduk diseru untuk menjayakan Banci Malaysia 2020 dalam memastikan tiada yang ketinggalan demi masa depan negara dan kemakmuran bersama. Kejayaan negara dan kesejahteraan hidup yang dinikmati pada hari ini adalah hasil penyaluran maklumat penduduk daripada banci-banci terdahulu,” katanya.

<https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/10-juta-penduduk-renspon-banci-malaysia-2020/>